**SOALAN-SOALAN LAZIM "(FAQ)" MENGENAI BSN MyRinggit-i BANJIR**
***FREQUENTLY ASKED QUESTION ON BSN MyRinggit-i BANJIR***

| | |
|---|---|
| **Soalan 1 :** / *Question 1 :* | **Apakah skim BSN MyRinggit-i Banjir? /** *What is BSN MyRinggit-i Banjir scheme?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **BSN MyRinggit-i Banjir merupakan inisiatif kerajaan yang disediakan khusus bagi membantu mereka yang terkesan dengan bencana banjir Disember 2021 di Malaysia dan ditawarkan dalam bentuk pembiayaan peribadi tanpa cagaran. /** *BSN MyRinggit-i Banjir is a government initiative designed to help those affected by the December 2021 flood in Malaysia and offered in the form of unsecured personal financing.* |
| **Soalan 2 :** / *Question 2 :* | **Siapakah yang layak untuk memohon BSN MyRinggit-i Banjir?** / *Who is eligible to apply for BSN MyRinggit-i Banjir?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **Pelanggan yang memenuhi kriteria di bawah layak untuk memohon MyRinggit-i Banjir :** / *Customers who meet the following criteria are eligible to apply for BSN MyRinggit-i Banjir :*<br>i) **Warganegara Malaysia** / *Malaysian citizen*<br>ii) **Tinggal di lokasi yang disahkan terjejas (berdasarkan pengesahan oleh Pegawai Daerah/ JKKK/ Laporan Polis)** / *Stay at the verified locations of the affected areas (based on the confirmation by the District Officer/ JKKK/ police report)*<br>iii) **Bukan seorang yang muflis** / *Not a bankrupt*<br>iv) **Hanya satu permohonan sahaja daripada satu isi rumah /** *Only one application per household* |
| **Soalan 3 :** / *Question 3 :* | **Berapakah amaun pembiayaan yang ditawarkan melalui skim BSN MyRinggit-i Banjir? /** *How much is the financing amount offered through BSN MyRinggit-i Banjir scheme?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **Sehingga RM10,000 /** *Up to RM10,000* |
| **Soalan 4 :** / *Question 4 :* | **Berapa lama tempoh pembiayaan BSN MyRinggit-i Banjir?** / *How long is the financing tenure of BSN MyRinggit-i Banjir?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **3.5 tahun termasuk moratorium (penangguhan bayaran) untuk 6 bulan pertama ke atas pembayaran ansuran bulanan** / *3.5 years including moratorium for the first 6 months of monthly instalment* |
| **Soalan 5 :** / *Question 5 :* | **Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan bagi BSN MyRinggit-i Banjir?** / *How much is the profit rate imposed for BSN MyRinggit-i Banjir?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **0.00%** |
| **Soalan 6 :** / *Question 6 :* | **Bagaimanakah cara untuk memohon BSN MyRinggit-i Banjir?** / *How to apply for BSN MyRinggit-i Banjir?* |
| **Jawapan :** / *Answer :* | **Pelanggan perlu melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui laman sesawang https://bsncheckin.com.my/floodfinancing/applicationform.aspx . Bagi Pelanggan yang mempunyai masalah / tidak mempunyai akses untuk ke laman sesawang berkenaan, sila kunjungi mana-mana Cawangan BSN yang berdekatan untuk membuat permohonan. /** *Customer is required to complete the online application form at https://bsncheckin.com.my/floodfinancing/applicationform.aspx website. For customers who have difficulties / do not have access to the respective website, please visit any BSN nearest branch to make an application.* |

| | |
|---|---|
| **Soalan 7 :** / *Question 7 :* | **Apakah dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan?** / *What are the supporting documents required?* |
| **Jawapan : /** *Answer :* | **Berikut adalah senarai dokumen yang diperlukan bagi permohonan BSN MyRinggit-i Banjir :** / *The following are the list of documents required for BSN MyRinggit-i Banjir application* :<br>i) **Salinan Kad Pengenalan** / *Copy of Identification Card*<br>ii) **Salinan bil elektrik rumah yang terjejas** / *Copy of electricity bill of the affected home*<br>iii) **Surat pengesahan daripada Pegawai Daerah/ JKKK/ Laporan Polis berkenaan rumah yang terjejas** / *Confirmation letter from the District Officer / JKKK/ Police Report in regards to the affected home* |
| **Soalan 8 :** / *Question 8 :* | **Bila dan bagaimana untuk mengetahui status permohonan yang telah dibuat? /** *When and how to find out the status of the application that has been made?* |
| **Jawapan** / *Answer :* | **Pihak BSN akan memaklumkan status permohonan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan dilakukan. Pelanggan juga boleh menyemak status permohonan dari semasa ke semasa melalui pautan https://bsncheckin.com.my/FloodFinancing/checkstatus.aspx /** *BSN will notify the status of application via short messaging system (SMS) within 7 working days from the date of application. Customers may also check the application status from time to time via https://bsncheckin.com.my/FloodFinancing/checkstatus.aspx link* |
| **Soalan 9 :** / *Question 9 :* | **Bagaimanakah cara-cara untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai BSN MyRinggit-i Banjir?** / *How to find out more information about BSN MyRinggit-i Banjir?* |
| **Jawapan** / *Answer :* | **Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai BSN MyRinggit-i Banjir:** / *For more information about BSN MyRinggit-i Banjir :*<br>1. **Sila hubungi 1300-88-1900** / *please contact 1300-88-1900*<br>2. **Layari laman sesawang BSN** / *visit our BSN website :*<br>**https://www.bsn.com.my/IslamicBanking/Financing/bsn-myringgit-i-banjir**<br>3. **Kunjungi mana-mana Cawangan BSN yang berdekatan /** *Visit to any BSN nearest branch.* |